

Irama baru lagu Negaraku

Oleh Rohaniza Idris

BH 27/9/03

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju memperkenalkan irama baru lagu *Negaraku* yang akan diperdengarkan buat pertama kali pada 31 Ogos sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-46 di Putrajaya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, mengumumkan perkara itu dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Irama baru lagu *Negaraku* itu sudah diperkenan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail selaras Akta Lagu Kebangsaan 1968.

Samsudin berkata, muzik lagu itu disusun semula oleh komposer Datuk Wah Idris dan mempunyai *powerpack ending*.

"Dengan irama baru, lagu *Negaraku* ini akan lebih bersemangat, bertenaga serta menaikkan patriotisme dan kemegahan rakyat Malaysia.

"Irama baru ini tidak membabitkan perubahan kepada seni kata asal," katanya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, lagu *Negaraku* akan dikekalkan dalam irama asal dengan gubahan semula pada rentaknya, supaya lebih pantas dan cergas.

Dr Mahathir berkata, rentak *Negaraku* dipercepatkan sedikit berbanding irama pada 1992 kerana dirasakan versi 1957 itu 'tidak cukup pantas dan tidak begitu cergas.'

"Tetapi selepas itu, ada orang berasa ia patut digubah semula untuk memberi lebih kesan apabila kita mendengar atau menyanyikannya. Ia masih lagu *Negaraku* yang sama tetapi kita gubah semula skornya (nota muzik)," katanya.

Sebelum ini, dilaporkan kerajaan bercadang memperkenalkan versi baru lagu kebangsaan yang akan diberikan perubahan membabitkan perkataan 'Negaraku' pada lirik lagu itu yang akan ditukarkan kepada 'Malaysiaku'.

Perkataan lain dikekalkan kecuali skor muzik lagu itu turut berubah supaya lebih bertenaga. Bagaimanapun, cadangan itu ditolak dan perkataan 'Negaraku' itu dikekalkan.